

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1970**

=====

**PINDAAN CUKAI TANAH DI BAWAH SEKSYEN 101 KANUN
TANAH NEGARA BAGI TANAH PERTANIAN TANAMAN GETAH,
KELAPA DAN KELAPA SAWIT YANG TARIKH PENGELUARANNYA
BELUM CUKUP 6 TAHUN**

Telah datang kepengetahuan saya iaitu kegelisahan telah berbangkit dikalangan tuan-tuan tanah seperti disebutkan di atas setengah-setengah daerah disebabkan salah faham.

2. Dalam Surat Pekeliling Pejabat ini Bil. 3/69 bertarikh 25hb. November 1969 diperenggan 8, saya ada menyatakan iaitu sungguhpun perubahan cukai bagi tanah-tanah tanaman getah, kelapa dan kelapa sawit akan dipinda daripada \$ 6/- satu ekar kepada \$7/- satu ekar setahun, Kerajaan telah mempersetujui di atas asasnya untuk memansuhkan (remission) bahagian cukai bagi tanah seperti ini yang tarikh pengeluarannya kurang daripada 6 tahun supaya tuan-tuan tanah yang berkenaan terus membayar cukai sebanyak \$ 1.50 satu ekar setahun (bagi enam tahun pertama) sebagai yang mereka bayar sebelum pemindahan cukai dahulu.

3. Oleh sebab setengah-setengah Pemungut Hasil Tanah belum lagi menghantar senarai-senarai tanah seperti itu sebagai yang dikehendaki dalam perenggan 8 dalam Surat Pekeliling Bil. 3/69 bertarikh 25hb. November 1969 yang disebutkan di atas, tindakan untuk memansuhkan (remission) bahagian cukai itu belum lagi dapat dilaksanakan oleh Pejabat ini.

4. Dengan tujuan untuk mengelakkan kesulitan yang dihadapi oleh tuan-tuan tanah seperti itu Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah diarahkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:-

- a. Apabila tuan-tuan tanah pertanian tanaman getah, kelapa dan kelapa sawit yang tarikh pengeluaran tanah mereka belum cukup 6 tahun datang ke Pejabat membayar cukai bagi tahun 1970, kutip cukai sebanyak \$1.50 satu ekar setahun sahaja. Catitkan sebagai peringatan diruang yang sesuai dalam Rent Roll bahagian cukai tanah itu sebanyak \$5.50 satu ekar dimansuhkan di bawah Peraturan 15 Selangor Land Rules 1966.
- b. Satu senarai tanah-tanah seperti itu yang sebahagian cukai-cukainya telah dimansuhkan itu hendaklah dihantarkan ke Pejabat ini dengan segera.
- c. Diawal-awal tahun yang berikut, senarai semua tanah tanaman getah, kelapa dan kelapa sawit yang tarikh pengeluarannya belum cukup 6 tahun hendaklah dihantarkan ke Pejabat ini.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

KUALA LUMPUR
14HB MEI 1970